

**Rosmah Zahirkan Rasa Simpati Kepada Keluarga Penumpang Dan Anak Kapal MH370
Bernama
26 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menzahirkan rasa simpati dan merakamkan ucapan takziah kepada anggota keluarga, rakan dan kenalan para penumpang serta anak-anak kapal pesawat MH370 yang hilang sejak 8 Mac.

Dalam kenyataan Rabu, beliau meminta semua anggota keluarga penumpang dan anak kapal penerbangan itu bersabar menerima ketentuan Ilahi dengan penuh reda.

Rosmah berkata perasaan simpati berhubung kehilangan pesawat MH370 turut dikongsi masyarakat seluruh dunia.

"Saya telah menerima panggilan telefon daripada beberapa isteri pemimpin-pemimpin dunia yang menzahirkan rasa simpati di atas tragedi ini.

"Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas keprihatinan mereka dan bersyukur kerana ini telah membuktikan bahawa Malaysia mempunyai ramai sahabat yang bersama-sama kita," katanya.

Penerbangan MH370 yang membawa 239 penumpang dan anak kapal dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing hilang daripada skrin radar, kira-kira sejam setelah berlepas pada 12.41 tengah malam dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 8 Mac.

Daripada jumlah itu, 38 penumpang dan 12 anak kapal merupakan warga Malaysia.

Selepas usaha mencari dan menyelamatkan masuk hari ke-17, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Isnin mengumumkan bahawa berdasarkan siasatan syarikat satelit Inmarsat dan Cawangan Siasatan Kemalangan Udara United Kingdom, penerbangan MH370 telah berakhir di selatan Lautan Hindi.

"Saya memahami bahawa sepanjang 17 hari yang lalu merupakan waktu yang amat sukar untuk dilalui.

"Saya berdoa mudah-mudahan Allah SWT memberi kekuatan dan ketabahan kepada seluruh ahli keluarga dalam menempuh ujian yang sangat getir ini," kata Rosmah.

"Abadikanlah memori mereka yang tersayang di dalam ingatan dan kenangan kita selamanya," kata Rosmah.

Beliau turut meminta kaum keluarga dan sanak-saudara penumpang dan anak kapal penerbangan MH370 supaya tabah mengharungi saat-saat getir dan amat mencabar ini.

"Banyak-banyakkkan bersabar dan kuatkan iman. Bersama-samalah kita berdoa agar roh mereka berada di dalam keadaan yang tenang. Ini adalah merupakan ketentuan qada dan qadar dan kita harus menerimanya dengan reda," tambah Rosmah.

Katanya, apa yang nyata di saat sebegini seluruh rakyat Malaysia juga turut berdukacita dan melahirkan rasa simpati di atas tragedi yang amat menyayat hati ini.

"Perasaan sedemikian membuktikan bahawa kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa bersatu-padu di dalam menempuh sebarang kejadian yang menimpa negara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025177>